

17/05/2004

Dua pelajar UiTM tawan Everest jadi model belia

By Nazmi Yaakub

SHAH ALAM: Kejayaan dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhamad Muqharabbin Mokhtarruddin dan Ahmad Reduan Rozali menawan puncak Everest dapat dijadikan contoh kepada belia untuk mengikuti daya juang dan usaha gigih mereka.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Tala'at Hussin, berkata pihaknya bercadang menyusun program khusus selama setahun bermula bulan ini untuk memastikan dua pelajar itu dijadikan model belia.

"Kita akan mengatur pertemuan kedua-dua pendaki muda ini dengan belia di bandar dan luar bandar, mahasiswa serta pelatih Program Khidmat Negara (PKN)," katanya ketika mengumumkan kejayaan itu di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam, Prof Dr Nasuddin Othman dan Ketua Pusat Sukan UiTM, Mustaza Ahmad.

Tala'at berkata, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa menyokong dan membantu mereka yang mahu mengharumkan nama negara dan membuktikan kegigihan belia.

"Sekiranya kedua-dua pendaki ini mahu meneruskan cabaran lain yang lebih hebat, kementerian sedia membantu mereka. Dua pendaki muda ini boleh dijadikan perunding kepada pendaki yang ingin tahu selok-belok ekspedisi ke Everest," katanya.

Ekspedisi Demi Negara Ke Everest 2004 yang disertai dua pendaki muda itu dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan serta UiTM, bertujuan memartabatkan usaha belia melalui penggalakan sukan mendaki.

Sementara itu, Nasuddin berkata, kejayaan dua pelajar UiTM menawan puncak Gunung Everest adalah hadiah manis kepada kerajaan dan belia sempena Hari Belia Negara 2004 yang disambut kelmarin.

"Usaha gigih kedua-dua remaja itu menjadi petunjuk kepada belia yang bersemangat tinggi untuk mencipta kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Penaung Kehormat ekspedisi ini, Tun Dr Mahathir Mohamad; Kementerian Belia dan Sukan serta mereka yang membantu memastikan kejayaan projek ini," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, ibu kepada kedua-dua pendaki menerima berita kejayaan anak mereka dengan bangga dan terharu apabila diberitahu Sekretariat Demi Negara Ke Everest 2004.

Ibu Muhamad Muqharabbin, Sharipah Wook, 43, berkata beliau menangis sebaik menerima panggilan telefon itu kerana anaknya dapat mencapai cita-cita menawan puncak Gunung Everest, sekali gus mengangkat nama negara.

"Bila dia beritahu mahu mendaki Gunung Everest, saya melarangnya kerana takut berlaku sesuatu yang tidak baik. Dia meyakinkan saya supaya tidak berasa takut dan sekarang keyakinannya sudah terbukti," katanya.

Ibu Ahmad Reduan, Sharom Mohd Noor, 44, berkata doa yang berterusan menjadi bekalan kepada anaknya sepanjang mengikuti ekspedisi itu.

"Sebenarnya saya tidak menyangka dia menyimpan minat untuk sampai ke puncak gunung tertinggi dunia itu. Saya terkejut apabila dia memberitahu hasrat itu. Reduan ialah anak yang tidak mahu mengalah dan kerana semangat itu, saya merestuinnya," katanya.

(END)